UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

KERTAS KERJA
PROGRAM PERJUMPAAN PELAJAR BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK
DAN
MAJLIS ANUGERAH DEKAN PELAJAR-PELAJAR DIPLOMA
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

22 JULAI 2011

Disediakan oleh:

JAWATANKUASA PENASIHATAN AKADEMIK
Tarikh: 29 JUN 2011

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

PERMOHONAN MENGADAKAN
PROGRAM PERJUMPAAN PELAJAR BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK
DAN
MAJLIS ANUGERAH DEKAN PELAJAR-PELAJAR DIPLOMA
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas kerja ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan yang berbahagia Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal bagi mengadakan Program Perjumpaan Pelajar Diploma (Tahun 1, 2 dan 3) bersama Penasihat Akademik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Majlis Anugerah Dekan pelajar-pelajar Diploma yang mendapat keputusan GPA 3.50 dan ke atas bagi sesi pengajian 2010/2011 Semester 2.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Merujuk kepada Buku Panduan Penasihatan Akademik universiti, semua Fakulti diwajibkan untuk melaksanakan perjumpaan bersama pelajar secara rasmi sekurang - kurangnya 2 kali setiap semester. Oleh itu, ini adalah perlaksanaan ini adalah yang yang pertama pada semester baru 2011/2012 Semester 1. Sehubungan dengan itu Jawatankuasa Penasihatan Akademik bercadang untuk mengadakan program dengan mengumpulkan semua pelajar Diploma pada satu masa. Dengan cara ini masalah pelajar yang mungkin masih keliru dengan pelaksanaan kalendar baru ini dapat diselesaikan dan diberi penjelasan dengan lebih jelas.

2.2 Majlis Anugerah Dekan pula adalah satu program dimana penghargaan diberikan kepada pelajar yang cemerlang di dalam bidang akademik dengan mendapat GPA 3.50 dan ke atas. Ianya merupakan sebagai galakan dan usaha berterusan fakulti bagi menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik di sepanjang sesi pengajian pelajar di FKM

3.0 JUSTIFIKASI

3.1 Fakulti telah menetapkan agar perjumpaan pelajar bersama Penasihat Akademik dibuat secara rasmi sekurang-kurangnya sekali pada setiap semester. Perjumpaan secara rasmi ini adalah bertujuan untuk memberikan kesempatan kepada pelajar dan Penasihat Akademik masing-masing yang mungkin tidak pernah atau terlalu jarang berjumpa dalam semester ini. Dengan adanya perjumpaan secara rasmi ini, ia akan dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk berbincang dengan Penasihat Akademik masing-masing berkenaan dengan perkara-perkara seperti di bawah :-

a. Mendapat khidmat nasihat dalam hal ehwal akademik.
b. Menyalurkan maklumat secara dua hala antara pelajar dengan pihak universiti umumnya dan fakulti khususnya terutamanya maklumat terkini tentang proses perpindahan di fakulti seperti lokasi bilik kuliah, makmal dan bilik pensyarah yang baru.
c. Mengemas kini maklumat terkini pelajar termasuk pencapaian akademik mereka
d. Membantu pelajar dalam menguruskan pengajian mereka.

3.2 Manakala Majlis Anugerah Dekan merupakan program yang perlu dijalankan oleh fakulti bagi meraikan pelajar yang mendapat anugerah dekan bagi setiap semester di sepanjang pengajian pelajar.

3.3 Kedua-dua program ini dicadangkan dijalankan secara serentak bagi memudahkan urusan perlaksanaan memandangkan terdapat 3 sesi Kalendar Akademik yang berbeza.

4.0 PENYERTAAN

4.1 Untuk program Perjumpaan pelajar bersama Penasihat Akademik, semua pelajar Program Diploma Tahun 1, 2 dan 3 akan terlibat secara langsung. Jumlah keseluruhan pelajar adalah seramai **243 pelajar.**

KURSUS	TAHUN	JUMLAH
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	1	101
	2	71
	3	71
Jumlah		243

4.2 Manakala untuk Majlis Anugerah Dekan, Kesemua pelajar Diploma FKM yang mendapat GPA 3.50 dan lebih sepanjang sesi pengajian 2010/2011 Semester 2. Jumlah keseluruhan pelajar yang akan dianugerahkan adalah seramai **28 pelajar.** Sila rujuk **LAMPIRAN 1** bagi senarai penuh pelajar yang mendapat anugerah.

5.0 TARIKH DAN LOKASI

Tarikh : 22 Julai 2011
Masa : 8.00 malam – 11.00 malam
Tempat : Kafeteria, Kampus Industri, UTeM.
(sila rujuk **LAMPIRAN 2** bagi aturcara Majlis)

6.0 PENGLIBATAN STAF

6.1 Semua staf yang dilantik sebagai Penasihat Akademik bagi pelajar tahun 1, 2, 3 Diploma adalah dimestikan menghadiri program tersebut. Manakala, staf akademik lain amat digalakkan hadir bagi meraikan kejayaan pelajar - pelajar yang menerima anugerah.

6.2 Staf pentadbiran fakulti perlu membantu dalam penyediaan fail-fail, borang soal selidik, senarai kedatangan dan senarai Penasihat Akademik terkini. Tambahan seperti tugas urusetia pendaftaran, jurugambar, penyediaan LCD, pengiring pemberian sijil dan mengawal turutan pengambilan sijil, penyediaan sijil dan sebagainya.

7.0 IMPLIKASI KEWANGAN

7.1 Anggaran jumlah kewangan yang diperlukan bagi menjalankan program ini adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	KOS
1.	Makanan untuk staf (RM 10.00 seorang) 40 orang (semua staf) x RM 10.00	RM 400.00
2.	Makanan pelajar (RM 10.00 seorang) 243 orang (termasuk penerima anugerah) x RM 10.00	RM2430.00
3.	Cenderahati untuk penerima Anugerah 28 orang x RM 20.00	RM 560.00
4.	Banting (RM 150.00 seunit) 1 unit x RM 150.00	RM 150.00
	JUMLAH	**RM 3540.00**

8.0 SYOR

8.1 Dengan segala hormatnya pihak Jawatan Kuasa Penasihatan Akademik memohon Yang Berbahagia Dekan mempertimbangkan aktiviti ini dan seterusnya meluluskan permohonan untuk mengadakan program ini.

LAMPIRAN 1

Senarai Pelajar Diploma Yang Mendapat Anugerah Dekan Bagi Sesi Pengajian 2010/2011 Semester 2.

Kursus: FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
DMC - DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Bil	No. Matrik	Nama Pelajar	Tahun/Semester	GPA
1	D041010029	HUZAIFAH BIN HARUN	1 / 2	3.65
2	D041010035	MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL SAMAT	1 / 2	3.50
3	D041010020	MOHAMAD HAFIZUDDIN BIN LOKMAN	1 / 2	3.60
4	D041010015	MOHD ANIS BIN ABD RAHMAN	1 / 2	3.62
5	D041010039	MUHAMMAD AFIQ BIN ISMAIL	1 / 2	3.76
6	D041010003	MUHAMMAD AIZAD SAFWAN	1 / 2	3.54
7	D041010030	MUHAMMAD HAFIZ BIN HAMZAH	1 / 2	3.74
8	D041010025	ZULKIFLI BIN SULAIMAN	1 / 2	3.61
9	D040910050	FAIZ ADZHAR BIN ABDUL HALIM	2 / 2	3.81
10	D040910062	MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN MOHD GAZALI	2 / 2	3.54
11	D040910045	MUHAMMAD ZUL FIKRI BIN SUHAIMI	2 / 2	3.64
12	D040910035	NOOR IZAETY BINTI AZHAR	2 / 2	3.57
13	D040910030	NUR ADILAH BINTI ISMAIL	2 / 2	3.51
14	D040910022	NUR AMEELIA BINTI ROSLI	2 / 2	3.60
15	D040910017	NURUL DIANA BT AB RAZAK	2 / 2	3.69
16	D040910028	SARVIN RAM A/L SERIRAMULU	2 / 2	3.92
17	D040910032	THENG KAI XUAN	2 / 2	3.59
18	D040810015	ABDUL MU`IN BIN MOHAMED MUSLIM	3 / 2	3.62
19	D040810053	DAVID WONG FOOT WAI	3 / 2	4.00
20	D040810001	FAEZAH BINTI MOHD JAAFAR	3 / 2	3.80
21	D040810021	HIKNESHWARAN A/L SEATHURAMAN	3 / 2	3.60
22	D040810020	MOHAMAD SYAHIRAN BIN MOHD NOOR	3 / 2	3.80
23	D040810047	MOHD NOR HISSAN BIN ZAKARAI	3 / 2	3.60
24	D040810046	MOHD SYUKRAN BIN ISMAIL	3 / 2	3.52
25	D040810027	MUHAMMAD ISMAIL BIN ZAKARIA	3 / 2	3.52
26	D040810022	MUHAMMAD KHALIQDIN BIN NORDIN	3 / 2	3.54
27	D040810041	NASHUA BINTI SUZALY	3 / 2	3.82
28	D040810063	THANARAJ A/L KRISHNAN	3 / 2	3.74

LAMPIRAN 2

CADANGAN ATURCARA

PROGRAM PERJUMPAAN PELAJAR DIPLOMA
BERSAMA PENASIHAT AKADEMIK
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL BAGI TAHUN 2011

Tempat : Kafeteria, Kampus Industri, UTeM
Tarikh : 22 Julai 2011

8.00 malam	-	Pendaftaran pelajar
8.15 malam	-	Kedatangan staf-staf FKM
8:20 malam	-	Bacaan doa
8.25 malam	-	Ucapan perasmian oleh Yang Berbahagia Dekan
8.45 malam	-	Taklimat Penyelaras Program Diploma
9.00 malam	-	Sesi Penganugerahan Sijil dan Cenderahati kepada penerima Anugerah Dekan
9.45 malam	-	Pembahagian kumpulan mengikut PA masing-masing
	-	Perbincangan pelajar dengan PA masing-masing.
10.45 malam	-	Makan malam
11.00 malam	-	Majlis bersurai

Pakaian :
Staf dan Pelajar: Berpakaian kemas